

06/07/2001

Masalah bas KL perlu penyelesaian menyeluruh

Samadba

INTRAKOTA bercadang menghentikan perkhidmatan di 16 laluan yang merugikan. Demikian berita yang tersebar melalui media cetak dan elektronik mulai 25 Jun lalu.

Sejak ia tersiar, pelbagai komen dapat kita ikuti, termasuk daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rata-rata menyatakan penamatan perkhidmatan bagi laluan berkenaan akan mendatangkan kesusahan kepada pengguna dan Intrakota tidak sepatutnya mengambil tindakan sedemikian.

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sebagai agensi yang dilihat boleh menyelesaikan masalah pengangkutan bas awam sekadar mengeluarkan kenyataan akhbar supaya perkhidmatan di laluan berkenaan diteruskan sehingga diberi kebenaran secara rasmi untuk menghentikannya.

Cadangan yang dikatakan akan diambil oleh Intrakota memang diduga. Kedua-dua konsortium Park May dan Intrakota yang diberi mandat mengendalikan pengangkutan bas awam di Kuala Lumpur masih terus menjalankan operasi mereka dalam suasana yang terancam.

Pesaing masih beroperasi seperti biasa, permit masih dikeluarkan dan permit yang luput masih dibaharui.

Kedua-dua konsortium tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pengguna dengan sepenuhnya dan sebaik mungkin kerana ada pesaing yang mencuri pendapatan mereka daripada pasaran yang kecil dan terhad.

Selagi suasana ini tidak diperbetulkan, maka selagi itulah syarikat ini akan menanggung kerugian kerana pelaburan mereka yang tinggi dan hanya masa yang akan menentukan bila mereka akan bungkus tika bantal.

Sekiranya kenyataan Intrakota yang mengalami kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2000 sebanyak RM339.5 juta dijadikan pedoman, mungkin jangka hayat syarikat ini amat pendek.

Jika ini berlaku, Kuala Lumpur dipercayai akan menghadapi satu lagi situasi yang mana pengangkutan bas awam akan berada dalam keadaan bercelaru - sama seperti era bas mini.

Idea untuk mewujudkan dua konsortium sebagai operator bas di Kuala Lumpur bukanlah sesuatu yang baru.

Perdana Menteri, ketika melancarkan Lebuhraya Batu Lembah Klang (LBLK) di Plaza Tol Jalan Duta pada 12 Januari 1993, mengisytiharkan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur akan mempunyai empat jenis pengangkutan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin meruncing.

Dr Mahathir berkata empat sistem pengangkutan itu ialah perkhidmatan kereta api pinggir bandar (komuter), Transit Aliran Ringan (LRT), monorel dan perkhidmatan bas yang dikendalikan hanya sebuah syarikat.

Untuk mencapai cita-cita mewujudkan suatu sistem pengangkutan awam yang bertaraf dunia memerlukan strategi dan polisi yang jelas.

Pihak berkuasa dan agensi bersangkutan mestilah komited dan bersedia melaksanakan apa yang dicita-citakan kerajaan.

Hasrat kerajaan mewujudkan dua konsortium untuk mengatasi masalah perkhidmatan bas di Kuala Lumpur adalah sesuatu yang sejajar dengan amalan negara lain seperti Singapura atau Hong Kong yang berjaya mengatasi masalah mereka sendiri.

Barangkali ini penyelesaian yang diharapkan oleh Intrakota dan mesej yang ingin disampaikan ialah masalah yang dihadapinya itu hendaklah diselesaikan secara menyeluruh.

Penyelesaian secara memberi kepada operator lain setiap laluan yang

dikatakan rugi itu bukan jawapan sebenar kepada masalah yang dihadapi Intrakota dan Park May.

Kelambatan mengambil tindakan wajar dan berani mungkin membawa kepada keadaan yang lebih parah.